

# Perpaduan hancur jika semua pentingkan identiti

BH 14 AUG 2002

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kumpulan yang menuntut supaya identiti kaum mereka tidak boleh dicemar, akan hanya menyebabkan kaum lain membuat tuntutan serupa.

Perdana Menteri berkata, apabila semua pihak berdegil dan membela-kangkan kepentingan negara, perpaduan serta keharmonian yang sudah lama berjaya ditegakkan, akan rosak dan hancur.

Katanya, jika bahasa sesuatu kaum diguna secara eksklusif terutama dalam bidang sains dan matematik, maka sesebuah universiti itu akan tertutup kepada kaum lain.

“Ini tidak sihat bagi negara pelbagai kaum seperti Malaysia,” katanya sambil menambah, kerajaan tidak dapat menerima lebih banyak perbezaan antara kaum dalam bidang pendidikan negara.

Berucap melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) tajaan MCA di sini hari ini, Dr Mahathir berkata universiti di Malaysia hendaklah terbuka kepada semua kaum, manakala bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar dari peringkat sekolah lagi.

Malah, katanya, jika mengambil kira kepentingan bahasa Inggeris pada peringkat antarabangsa, ia perlu diguna sebagai ba-

hasa pengantar sejak awal lagi sehinggalah ke peringkat universiti.

“Kita berada sekarang dalam zaman ilmu, zaman teknologi maklumat. Amatlah penting semua rakyat Malaysia memiliki ilmu terutama dalam sains dan matematik. Kita tak boleh sekat diri kita daripada penguasaan ilmu kerana kepentingan yang sempit.

“Kita boleh kekalkan identiti kaum kita tetapi menguasai bahasa lain, menguasai ilmu penting tidak akan mengurang atau mengubah identiti kita. Hanya kerana kita dapat bercakap dan berhujah dalam bahasa lain bahkan menggunakan nama,” katanya.

Sabtu lalu, Perdana Menteri memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dengan kedudukan identiti sekolah Cina.

Beliau juga mengingatkan kumpulan itu supaya tidak bermain api dengan membangkitkan isu perkauman dan pihak berkuasa akan bertindak jika ia menimbulkan huru hara.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas pelancaran Utar, Dr Mahathir berkata kerajaan komited untuk meneruskan dasar penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelaja-

ran Sains dan Matematik.

Beliau menjelaskan, dasar itu bukan bermotif politik dan bukan juga memperkecilkan budaya atau identiti masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Sebaliknya, ia kerana bahasa Inggeris adalah bahasa zaman sekarang dan harus diterima sama ada seseorang itu suka atau tidak. Bahasa Arab dan bahasa Latin adalah bahasa zaman lalu.

Malah, katanya, orang Perancis yang tidak suka bahasa Inggeris, kini terpaksa mempelajarinya, manakala ribuan orang Cina juga belajar bahasa asing itu sebagai bahasa ilmu.

Mengenai sambutan di-nghin MCA terhadap dasar itu, beliau berkata, perkara itu akan ditangani secara dalaman di dalam MCA serta BN.

Beliau mengecam Pas terutama Pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana mendakwa penggunaan bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran itu sebagai langkah terburu-buru.

“Itulah, kalau kita nak buat sesuatu yang baik, Pas tetap akan mempolitikkannya dan mengkhianati segala tujuan baik kita. Itulah tujuan Pas. Apa juga yang kerajaan buat, yang baik, Pas akan menentang dan akan menghasut rakyat supaya menentang dengan pelbagai alasan,” katanya.